

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 4 / 2009

PEPERIKSAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI
(B.A.S) DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
DALAM TANGGAGAJI B3 / B2 EB3 / B2

Pegawai-Pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki peperiksaan tersebut di atas yangmana akan diadakan pada tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut :-

Bil	Tarikh dan Waktu	-	Mata Pelajaran
1.	Hari Juma'at 18 Jamadilakhir 1430 Bersamaan 12 Jun 2009 Jam 8.30 – 11.30 pagi	-	Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (<i>General Orders 1961 and Service Regulations</i>)
2.	Hari Selasa 22 Jamadilakhir 1430 Bersamaan 16 Jun 2009 Jam 8.30 – 11.30 pagi	-	Peraturan-Peraturan Kewangan (<i>Financial Regulations</i>)
3.	Hari Sabtu 19 Jamadilakhir 1430 Bersamaan 13 Jun 2009 Jam 8.30 – 11.30 pagi	-	Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam (<i>General Laws of Brunei Darussalam</i>)
4.	Hari Isnin 21 Jamadilakhir 1430 Bersamaan 15 Jun 2009 Jam 8.30 – 11.30 pagi	-	Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (<i>Constitution of Brunei Darussalam</i>)

1. TEMPAT PEPERIKSAAN

Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

2. SYARAT-SYARAT UTAMA

Peperiksaan ini adalah dikhususkan kepada:

- a. Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S).
 - b. Pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan-jawatan dalam tanggagaji B.3 dan sebanding yang belum lulus adalah dikehendaki lulus sebelum ianya dinaikkan pangkat pada tahap tanggagaji Kumpulan 3 dan Kumpulan 2 atau sebanding. [Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam Bilangan 7/2005](#) bertarikh 04 Rabiulawal 1426 bersamaan 13 April 2005 adalah berkaitan;
 - c. Pegawai-Pegawai yang bergaji bulan dalam tanggagaji B2 EB3 atau B2 atau yang sebanding dengannya;
 - d. Pegawai-pegawai dalam tanggagaji B2 EB3 atau B2 yang dipersyaratkan untuk lulus peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 & Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan UNTUK DITETAPKAN DALAM JAWATAN TANGGAGAJI B2 EB3/B2 sebagaimana yang terkandung dalam Skim Perkhidmatan;
- 2.2. Mana-mana pegawai yang baru memohon peperiksaan ini adalah dimestikan mengambil kesemua mata pelajaran iaitu mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing seperti :-
- a. Bagi peperiksaan pegawai-pegawai **B.A.S**, mereka **dimestikan MENGISI BORANG A dan mengambil semua empat (4) mata pelajaran**; dan
 - b. Bagi peperiksaan pegawai-pegawai Kerajaan Dalam **Tanggagaji B3 atau B2 EB3 atau B2**, mereka **dimestikan MENGISI BORANG B dan mengambil dua (2) mata pelajaran** iaitu **Perintah-Perintah Am 1961 & Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan**.
- 2.3. Manakala mana-mana Pegawai yang sudah menduduki peperiksaan tersebut tetapi belum lulus dan memohon untuk menduduki peperiksaan tersebut sekali lagi hendaklah mengisi borang seperti yang disebutkan di Para 2.2 (a) dan (b).
- 2.4. Pegawai-Pegawai mestilah hadir dalam bilik peperiksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan dimulakan;
- 2.5. Pegawai-Pegawai juga dikehendaki membawa Kad Pengenalan Pintar masing-masing ke Dewan Peperiksaan pada hari peperiksaan tersebut.

3. BORANG PERMOHONAN

- 3.1. Borang permohonan boleh diperolehi dengan memuat turun melalui laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat/pautan berikut:-

<http://www.jpa.gov.bn>

atau

[Klik Di Sini](#)

- 3.2. Borang permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan dan dihadapkan melalui **SETIAUSAHA TETAP / KETUA JABATAN / PENGETUA / GURU BESAR MASING-MASING** beserta dengan salinan surat lantikan dalam jawatan pada masa ini;
- 3.3. Borang permohonan hendaklah mendapat pengesahan dan sokongan daripada **SETIAUSAHA TETAP / KETUA JABATAN / PENGETUA / GURU BESAR** dengan menyatakan pengakuan tarikh mula berkhidmat dalam tanggagaji yang berkenaan;
- 3.4. Permohonan yang **TIDAK MENGGUNAKAN BORANG YANG DISEDIAKAN ATAU TIDAK LENGKAP** atau mengandungi **MAKLUMAT YANG TIDAK BETUL** atau **LEWAT** diterima oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam atau **DOKUMEN YANG DIHADAPKAN TIDAK DISAHKAN OLEH SETIAUSAHA TETAP / KETUA JABATAN** masing-masing **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

4. HAL-HAL LAIN

- 4.1. Setiausaha Tetap / Ketua-Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar perlu memberikan kelonggaran masa kepada pegawai-pegawai yang telah didaftarkan untuk menduduki Peperiksaan berkenaan;
- 4.2. Sebarang perubahan Surat Pemberitahuan ini adalah berkuatkuasa mulai pada **13 Safar 1430 bersamaan 09 Februari 2009**;

4. KETERANGAN LANJUT

Sebarang aduan atau pertanyaan bolehlah ditujukan kepada Pegawai Bertugas di alamat berikut:

Unit Pembangunan Dan Pengurusan Kualiti
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan
Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Awam
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam

Telefon No: 2382469 sambungan 499 atau 300

E-Mel: info@psd.gov.bn

Ketua-Ketua Jabatan / Pengetua-Pengetua/Guru Besar - Guru Besar hendaklah menghadapkan Borang Permohonan yang telah lengkap diisi kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat daripada **HARI RABU, 20 RABIULAWAL 1430 BERSAMAAN 17 MAC 2009**.

Sekian peramba / kaola /saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

" Ke Arah Wawasan Negara- Kecemerlangan Dan Kemakmuran "
"Abblak Mulia Kehidupan Sempurna"

[HAJI IBRAHIM BIN HAJI HASSAN]

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Rujukan
Tarikh

1.3/7/99 Pt8

13 Safar 1430H bersamaan 09 Februari 2009M